

# Lima Pasukan UMS jadi Finalis

## MyINOVASI 2014 serta Terima RM5,000

UB 16-10-2014 B12

KOTA KINABALU: Lima pasukan yang dihantar Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke MyINOVASI 2014 terpilih sebagai antara 50 finalis dalam pertandingan akhir yang akan berlangsung pada 15-16 Disember 2014.

Kelima-lima pasukan itu menjadi pilihan para juri melalui beberapa projek inovasi iaitu Pembersih Pantai, Sistem Pendingin Perhentian Bas Mesra Alam, Penapis Air Hujan Tanah Liat Hibrid, 'Porous Pavement' dan 'Coconut Gravel'.

Menurut penyelia projek berkenaan Prof Madya Dr Nurmin Bolong (*gambar*) dari Fakulti Kejuruteraan, kekuatan projek-projek inovasi itu dijangka akan memberi impak dan manfaat secara langsung kepada industri dan masyarakat, di samping menanam sifat keprihatinan terhadap keperluan masyarakat dan alam sekitar.

Ujarnya, kelima-lima finalis itu turut menerima cek bernilai RM5,000 dalam satu majlis di Wilayah Persekutuan Putrajaya.



Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Dr Ismail Ali turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian itu:

Katanya, kejayaan itu juga sekali gus mampu memangkin budaya inovasi agar terus menjadi amalan warga kampus khususnya dalam kalangan siswa siswi.

"Kita mahukan budaya inovasi yang berimpak tinggi ini akan terus mekar subur dalam UMS selaku gedung ilmu pengajian tinggi ke arah melahirkan graduan-graduan yang berdaya saing dan modal insan berminda kelas pertama," tambahnya.